

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN PIBB CASA-i SEMPENA ULANG TAHUN KE-60 PUBLIC BANK

Kempen PIBB CASA-i (“Kempen”) dilancarkan oleh Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) (No. Pendaftaran 197301001433 (14328-V)). Terma dan Syarat di bawah mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Mei 2026 hingga 31 Disember 2026**, termasuk kedua-dua tarikh atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PIBB (“Tempoh Kempen”).
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan Public Bank Berhad (“PBB”) dan PIBB di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu baharu dan sedia ada berumur 18 tahun dan ke atas pada masa penyertaan (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Untuk deposit bersama, Peserta yang Layak ialah pemegang akaun yang namanya pertama bagi akaun tersebut seperti yang dinyatakan dalam rekod PIBB.
- 2.3 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) kakitangan tetap dan/atau kontrak PIBB, Public Bank Berhad (“PBB”) dan Public Investment Bank Berhad (“PIVB”);
 - b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
 - c) individu yang tidak waras;
 - d) individu yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadap mereka; dan
 - e) individu yang akaunnya dipegang oleh PBB dan/atau PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskannya seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Mekanisme Kempen

3.1 Produk yang Layak di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut: -

Produk yang Layak	Huraian
Akaun Deposit*	Akaun Simpanan-i Murabahah Komoditi ("CM SA-i")
	Akaun Simpanan-i PB MySalary Murabahah Komoditi ("CM PB MySalary SA-i")
	Akaun Simpanan-i BASIC Murabahah Komoditi ("CM BASIC SA-i")
	Akaun Semasa-i Murabahah Komoditi ("CM CA-i")
	Akaun Semasa-i Plus Murabahah Komoditi ("CM Plus CA-i")
	Akaun Semasa-i BASIC Murabahah Komoditi ("CM BASIC CA-i")

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

(CM SA-i, CM PB MySalary SA-i, CM BASIC SA-i, CM CA-i, CM Plus CA-i, dan CM BASIC CA-i akan secara kolektif dirujuk sebagai "**Akaun Islam yang Mengambil Bahagian**").

3.2 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak berpeluang untuk memenangi Ganjaran Tunai Bulanan sebanyak RM60 ("Ganjaran Tunai") dan/atau jam tangan mewah (*Breitling Chronomat Automatic GMT 40*) ("Jam Tangan Mewah"), butirannya adalah seperti yang berikut:-

Ganjaran Tunai

3.2.1 Tiga puluh (30) Peserta yang Layak teratas yang mengekalkan Baki Purata Harian ("DAB") Tambahan dan mengekalkan baki minimum sebanyak sekurang-kurangnya RM28,000 dalam Akaun Islam yang Mengambil Bahagian milik mereka bagi bulan kalendar yang berkenaan semasa Tempoh Kempen akan layak memenangi Ganjaran Tunai.

Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya Peserta yang Layak menyenggara lebih daripada satu (1) Akaun Islam yang Mengambil Bahagian, setiap Akaun Islam yang Mengambil Bahagian akan dikira secara berasingan,

bukan secara kumulatif, bagi tujuan menentukan semasa ada Peserta yang Layak memenuhi kriteria di atas.

3.2.2 Setiap Peserta yang Layak, layak untuk memenangi satu (1) Ganjaran Tunai sahaja di bawah Kempen ini.

3.2.3 Pemenang Ganjaran Tunai akan dimaklumkan oleh PIBB dalam tempoh enam belas (16) hari selepas akhir setiap bulan kalendar dan ia akan dikreditkan selewat-lewatnya pada akhir bulan berikutnya.

Jam Tangan Mewah

3.2.4 Dua Belas (12) Peserta yang Layak teratas yang mengekalkan Baki Purata Bulanan Tambahan (“MAB”) tertinggi dan mengekalkan baki minimum sebanyak sekurang-kurangnya RM288,000 dalam Akaun Islam yang Mengambil Bahagian milik mereka sepanjang Tempoh Kempen akan layak memenangi Jam Tangan Mewah.

Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya Peserta yang Layak menyenggara lebih daripada satu (1) Akaun Islam yang Mengambil Bahagian, setiap Akaun Islam yang Mengambil Bahagian akan dikira secara berasingan, bukan secara kumulatif, bagi tujuan menentukan sama ada Peserta yang Layak memenuhi kriteria di atas.

3.2.5 Setiap Peserta yang Layak layak untuk memenangi satu (1) Jam Tangan Mewah sahaja di bawah Kempen ini.

3.3. Pengiraan DAB dan MAB adalah seperti yang berikut:

Pengiraan DAB dan DAB Tambahan:

(i) Akaun Islam yang Mengambil Bahagian yang baru dibuka semasa Tempoh Kempen:

Huraian	Bulan Pembukaan Akaun
DAB	Baki akhir hari harian teragregat dari hari akaun dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar, dibahagikan dengan jumlah bilangan sebenar hari dari hari akaun dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar.
Garis Asas	Garis Asas ialah sifar

DAB Tambahan	DAB tolak Garis Asas
---------------------	----------------------

- (ii) Akaun Islam yang Mengambil Bahagian dibuka sebelum Tempoh Kempen:

Huraian	Bulan Kalendar yang Berkenaan semasa Tempoh Kempen
DAB	Baki akhir hari harian bagi bulan kalendar, dibahagikan dengan jumlah bilangan sebenar hari dalam bulan kalendar
Garis Asas	Baki akhir hari daripada bulan kalendar sebelumnya
DAB Tambahan	DAB tolak Garis Asas

Pengiraan untuk MAB dan MAB Tambahan:

- (iii) Akaun Islam yang Mengambil Bahagian yang baru dibuka semasa Tempoh Promosi:

Huraian	Bulan Pembukaan Akaun	Bulan Berikutnya
MAB	Baki akhir hari harian teragregat dari hari akaun dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar, dibahagikan dengan jumlah bilangan sebenar hari dari hari akaun dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar.	Baki akhir hari harian bagi bulan kalendar, dibahagikan dengan jumlah bilangan sebenar hari dalam bulan kalendar
Garis Asas	Garis Asas ialah sifar	Baki akhir hari daripada bulan kalendar sebelumnya
MAB Tambahan	DAB tolak Garis Asas	

- (iv) Akaun Islam yang Mengambil Bahagian dibuka sebelum Tempoh Kempen:

Huraian	Mei 2026	Bulan Berikutnya
MAB	Baki akhir hari harian bagi bulan kalendar, dibahagikan dengan jumlah bilangan sebenar hari dalam bulan kalendar	
Garis Asas	Baki akhir hari daripada bulan kalendar sebelumnya	MAB daripada bulan kalendar sebelumnya
MAB Tambahan	MAB tolak Garis Asas	

Ilustrasi berkaitan dengan pengiraan ada dalam Lampiran I.

- 3.4 Semua wang atau dana yang diletakkan di bawah Kempen ini bagi tujuan DAB Tambahan dan/atau MAB Tambahan mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang secara bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PBB atau PIBB. Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana itu dipindahkan atau dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak, jika tidak wang atau dana itu tidak lagi dianggap “dana baharu”.
- 3.5 Kempen ini tidak sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan secara serentak oleh PIBB.

4. Mekanisme Pemecah Seri

4.1 Sekiranya:

- (a) berlaku seri antara DAB Tambahan dan/atau MAB Tambahan, Peserta yang Layak yang mengekalkan baki penutup yang lebih tinggi dalam Akaun Islam yang Mengambil Bahagian pada akhir bulan kalendar yang berkenaan dan/atau semasa Tempoh Kempen akan ditempatkan lebih tinggi berbanding dengan Peserta yang Layak dengan baki penutup yang lebih rendah dalam Akaun Islam yang Mengambil Bahagian;

- (b) berlaku seri antara DAB Tambahan dan/atau MAB dan baki penutup dalam Akaun Islam yang Mengambil Bahagian, Peserta yang Layak yang mencapai baki minimum sebanyak RM28,000 dan/atau RM288,000 (mana-mana yang berkenaan) lebih awal dalam Akaun Islam yang Mengambil Bahagian milik mereka, seperti yang ditunjukkan dalam rekod PIBB, akan ditempatkan lebih tinggi berbanding dengan Peserta yang Layak yang mencapai baki minimum pada tarikh dan masa berikutnya;
- (c) berlaku seri antara 4.1(a) dan 4.1(b) di atas, Peserta yang Layak yang mengekalkan baki minimum sebanyak RM28,000 dan/atau RM288,000 (mana-mana yang berkenaan) bagi tempoh yang lebih panjang semasa bulan kalendar yang berkenaan dan/atau semasa Tempoh Kempen akan ditempatkan lebih tinggi berbanding dengan Peserta yang Layak yang mengekalkan baki minimum untuk tempoh yang lebih pendek;
- (d) berlaku seri antara 4.1(a), 4.1(b) dan 4.1(c) di atas, pemenang hendaklah ditentukan secara cabutan undi yang dilaksanakan oleh PIBB dengan cara yang adil dan telus, disaksikan oleh saksi bebas dan menurut prinsip Syariah.

Bagi mengelakkan keraguan, mekanisme cabutan undi hendaklah tidak melibatkan apa-apa bentuk fi penyertaan, bayaran atau balasan daripada Peserta yang Layak dan hendaklah dilaksanakan semata-mata sebagai langkah terakhir.

5. Pemberian Ganjaran Tunai

- 5.1 Pemenang Ganjaran Tunai hendaklah menyenggara Akaun Islam yang Mengambil Bahagian dengan PIBB bagi tujuan pengkreditan Ganjaran Tunai.
- 5.2 Peserta yang Layak tidak akan layak untuk Ganjaran Tunai di bawah Kempen ini sekiranya Akaun Islam yang Mengambil Bahagian milik mereka ditutup, dibatalkan, ditamatkan, dorman atau tidak aktif sebelum Ganjaran Tunai dikreditkan.

6. Pemberian Jam Tangan Mewah

- 6.1 Pemenang Jam Tangan Mewah akan dimaklumkan oleh PIBB dalam tempoh enam belas (16) minggu selepas akhir Tempoh Kempen melalui panggilan

telefon dan/atau Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) dan mereka dikehendaki mengambil Jam Tangan Mewah itu daripada cawangan PBB/PIBB dalam tempoh lapan (8) minggu dari tarikh makluman tersebut (“Tempoh Pengambilan”). PIBB boleh menarik balik Jam Tangan Mewah serta berhak untuk memilih dan menghubungi Peserta yang Layak berikutnya yang disenarai pendek yang memenuhi kriteria sekiranya Jam Tangan Mewah tidak diambil dalam Tempoh Pengambilan.

- 6.2 Selepas pengambilan Jam Tangan Mewah, para pemenang hendaklah memeriksa dan meneliti Jam Tangan Mewah untuk apa-apa kecacatan atau kerosakan di cawangan dengan segera. Apa-apa kecacatan atau kerosakan hendaklah dilaporkan kepada kakitangan cawangan dengan segera selepas pemeriksaan Jam Tangan Mewah tersebut.
- 6.3 PIBB menolak apa-apa liabiliti, obligasi atau tanggungjawab berkaitan dengan Jam Tangan Mewah tidak akan dipertanggungjawabkan untuk menggantikan apa-apa Jam Tangan Mewah yang rosak disebabkan oleh kecacatan pada bahan atau pembuatannya oleh pengilang sama ada di bawah waranti atau tidak. Pemenang hendaklah berurusan secara terus dengan pengilang dan/atau wakil jualan sahnya bagi maklumat waranti, tuntutan dan/atau terma dan syarat khusus bagi pemasangan, spesifikasi, penggunaan atau pengendalian Jam Tangan Mewah itu.
- 6.4 Apa-apa risiko kehilangan atau kerosakan kepada Jam Tangan Mewah itu akan berpindah kepada pemenang selepas penghantaran/pengambilan Jam Tangan Mewah kepada/oleh pemenang. PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan atau berkewajipan untuk mengenal pasti atau menggantikan apa-apa Jam Tangan Mewah yang hilang, rosak atau dicuri.
- 6.5 Hadiah di bawah Kempen ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar untuk tunai pendahuluan, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 6.6 Jam Tangan Mewah diberikan atas dasar “seadanya”.
- 6.7 Pemilihan warna untuk Jam Tangan Mewah, jika ada, tidak boleh dibuat.
- 6.8 PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa cukai atau kos sampingan berkaitan dengan hadiah di bawah Kempen ini, yang mungkin dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa atau pihak ketiga disebabkan oleh kelayakan Peserta yang Layak untuk menerima hadiah.

- 6.9 Apa-apa gambar yang ditunjukkan dalam mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan pemasaran lain (“Bahan Pemasaran”) berkaitan dengan Kempen ini hanyalah untuk tujuan ilustrasi dan mungkin tidak menggambarkan warna, model atau spesifikasi sebenar Jam Tangan Mewah. Jam Tangan Mewah tidak termasuk apa-apa aksesori atau barang yang ditunjukkan dalam Bahan Pemasaran tersebut.

7. Terma dan Syarat Am

- 7.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal Akaun Islam yang Mengambil Bahagian (termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terhadap terma dan syarat tersebut). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal Akaun Islam yang Mengambil Bahagian, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 7.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PIBB dan keputusan PIBB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas Peserta yang Layak. PIBB tidak akan melayan mana-mana rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga mengenai mana-mana perkara berkaitan Kempen ini dan hadiah.
- 7.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi kebenaran kepada PIBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat Peserta yang Layak berkaitan dengan Akaun Islam yang Mengambil Bahagian bagi tujuan Kempen ini.
- 7.4 PIBB tidak akan bertanggungjawab ataupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk atau walau bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada Kempen ini, kecuali disebabkan oleh kecuaiian ketara atau salah laku yang disengajakan oleh PIBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 7.5 PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah representasi fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini, yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.

- 7.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PIBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, jaminan atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa penghadan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Kempen ini dan/atau hadiah di bawah Kempen ini.
- 7.7 Sekiranya terdapat apa-apa ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau berhubung dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini hendaklah diterima pakai.
- 7.8 PIBB berhak untuk:-
- a) menambah, memotong atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PIBB, mempamerkan notis di cawangan PIBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PIBB dari semasa ke semasa dan terma dan syarat yang dipinda tersebut akan diterima pakai berbanding apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi lain yang mengiklan Kempen ini;
 - b) membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PIBB, mempamerkan notis di cawangan PIBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PIBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PIBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut.
 - c) untuk menyemak semula kadar keuntungan promosi di bawah Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PIBB, memaparkan notis di cawangan PIBB

atau apa-apa cara lain yang akan ditentukan oleh PIBB dari semasa ke semasa.

- 7.9 Terma dan Syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 7.10 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Privasi PIBB yang menyatakan bagaimana PIBB menggunakan maklumat mereka dalam laman web PIBB dan/atau di mana-mana cawangan PIBB.
- 7.11 Peserta yang Layak diingatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum menyertai Kempen ini. Sekiranya terdapat mana-mana terma yang tidak difahami oleh Peserta yang Layak, Peserta yang Layak dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat bebas dan berbincang lanjut dengan wakil PBB dan/atau PIBB.

[Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong]

1. DAB dan DAB TambahanIlustrasi 1:

Peserta yang Layak A membuka CM SA-i pada 22 Jun 2026 iaitu semasa Tempoh Kempen.

Tarikh	Baki akhir hari harian
22 Jun 2026 hingga 30 Jun 2026	RM100,000

Baki Purata Harian:

Jun 2026	
Baki akhir hari harian teragregat dari hari akaun Deposit dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar	$RM100,000 \times 9 \text{ hari} = RM900,000$
Jumlah bilangan hari sebenar dari hari akaun Deposit dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar	9 hari
Jumlah baki untuk 21 hari pertama	RM0
Jumlah baki untuk bulan Jun	$RM900,000 + RM0 = RM900,000$
Bilangan hari dalam bulan Jun	30 hari
Baki Purata Harian (DAB) bagi bulan kalendar	$RM900,000 / 30 \text{ hari} = RM30,000$

DAB Tambahan:

Baki sebelumnya (sebelum 22 Jun 2026)	RM0
DAB semasa (selepas 22 Jun 2026)	RM30,000
DAB Tambahan	$RM30,000 - RM0 = RM30,000$

Ilustrasi 2:

Perserta yang Layak B menyenggara CM SA-i iaitu semasa Tempoh Kempen.

Tarikh	Baki akhir hari harian
30 April 2026	RM5,000
1 Mei 2026 hingga 10 Mei 2026	RM32,000
11 Mei 2026 to 31 Mei 2026	RM35,000

Baki Purata Harian:

Mei 2026	
Jumlah baki akhir hari harian bagi bulan kalendar	$(RM32,000 \times 10 \text{ hari}) + (RM35,000 \times 21)$ = RM1,055,000
Jumlah bilangan hari sebenar bagi bulan kalendar	30 hari
Baki Purata Harian (DAB) bagi bulan kalendar	$RM1,055,000 / 31 \text{ hari} = RM34,032.30$

DAB Tambahan:

DAB Semasa	RM34,032.30
Garis Dasar (sebelum kempen)	RM5,000
DAB Tambahan	$RM34,032.30 - RM5,000 =$ RM29,032.30

2. MAB dan MAB Tambahan

Ilustrasi 1 : Peserta yang Layak A membuka CM SA-i pada 15 Mei 2026 iaitu semasa Tempoh Kempen.

Tarikh	Baki akhir hari harian
15 Mei 2026 hingga 31 Mei 2026	RM288,000
1 Jun 2026 hingga 21 Jun 2026	RM296,000
22 Jun 2026 hingga 30 Jun 2026	RM298,000

Mei 2026	
Baki akhir hari harian teragregat dari hari akaun Deposit dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar	$RM288,000 \times 13 \text{ hari} = RM3,744,000$
Jumlah bilangan hari sebenar dari hari akaun Deposit dibuka hingga hari terakhir bulan kalendar	13 hari
MAB bagi bulan kalendar	$RM3,744,000 / 13 \text{ hari} = RM288,000$
Garis Dasar	RM0
MAB Tambahan bagi bulan kalendar	$RM288,000 - RM0 = RM288,000$

Jun 2026	
Baki akhir hari harian teragregat bagi bulan kalendar	$(RM296,000 \times 21 \text{ hari}) + (RM298,000 \times 9 \text{ hari}) = RM8,898,000$
Jumlah bilangan hari sebenar dalam bulan kalendar	30 hari
MAB bagi bulan kalendar	$RM8,898,000 / 30 \text{ hari} = RM296,600.00$
Garis Dasar	RM288,000 iaitu MAB daripada bulan kalendar sebelumnya
MAB Tambahan bagi bulan kalendar	$RM296,600 - RM288,000.00 = RM8,600.00$

Ilustrasi 2 : Peserta yang Layak B menyenggara CM SA-i sebelum tempoh kempen.

Tarikh	Baki akhir hari harian
30 April 2025	RM288,000
1 Mei 2026 hingga 15 Mei 2026	RM288,000
16 Mei 2026 hingga 31 Mei 2026	RM300,000
1 Jun 2026 hingga 30 Jun 2026	RM320,000

Mei 2026	
Baki akhir hari harian teragregat bagi bulan kalendar	$(RM288,000 \times 15 \text{ hari}) + (RM320,000 \times 16 \text{ hari}) = RM9,440,000$
Jumlah bilangan hari sebenar dalam bulan kalendar	31 hari
MAB bagi bulan kalendar	$RM9,440,000 / 31 \text{ hari} = RM304,516.13$
Garis Dasar	RM288,000 iaitu baki akhir hari pada 30 April 2025
MAB Tambahan bagi bulan kalendar	$RM304,516.13 - RM288,000.00 = RM16,516.13$

Jun 2026	
Baki akhir hari harian teragregat bagi bulan kalendar	$(RM320,000 \times 30 \text{ hari}) = RM9,600,000$
Jumlah bilangan hari sebenar dalam bulan kalendar	30 hari
MAB bagi bulan kalendar	$RM9,600,000 / 30 \text{ hari} = RM320,000$
Garis Dasar	RM16,516.13 iaitu MAB daripada bulan kalendar sebelumnya
MAB Tambahan bagi bulan kalendar	$RM320,000 - RM16,516.13 = RM303,483.87$